

Menggunakan Kaedah Kuiz Bertulis Dalam Menguasai Tajuk Badan Pentadbiran Dalam Subjek Pengajian Am Kertas 1 Bagi Kelas 6 Atas 2 Dan 6 Atas 4.

En. Ishak Habeb Abu Bakar
Pn. Dariah binti Jawatin

ABSTRAK

Pengajian Am Kertas 1 merupakan subjek yang sangat penting dalam Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) kerana pelajar diwajibkan lulus (prinsipal) untuk memperoleh sijil STPM dan untuk melayakkan pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti. Pelajar perlulah menguasai semua tajuk dalam subjek ini. Salah satu kelemahan pelajar ialah tidak menguasai tajuk Badan Pentadbiran yang memperuntukkan markah sebanyak 15 markah. Oleh itu, satu kajian telah dijalankan ke atas pelajar-pelajar 6 Atas 2 dan 6 Atas 4 yang menghadapi masalah untuk menguasai fakta. Kami telah memilih untuk melaksanakan kajian dengan menggalakkan pelajar untuk menggunakan kaedah kuiz bagi memudahkan mereka untuk mengingat fakta dan menarik minat mereka untuk mempelajari tajuk tersebut. Kajian ini dijalankan ke atas 18 orang pelajar dari Tingkatan 6 Atas 2 dan 28 orang pelajar Tingkatan 6 Atas 4 Sekolah Menengah Kebangsaan Majakir Papar. Dalam kajian ini, data dikumpulkan melalui pemerhatian dari ujian pra dan juga pasca. Pelajar telah didedahkan dengan mengulangkaji fakta-fakta berkaitan Badan Pentadbiran dan diteruskan dengan Kuiz Bertulis dalam 3 sesi pengajaran (80 minit setiap sesi). Hasil daripada kaedah tersebut, didapati pelajar lebih bersemangat untuk mempelajari tajuk dan hasil daripada ujian pra dan pasca menunjukkan adanya peningkatan prestasi markah pelajar.

1.0 REFLEKSI P & P YANG LALU

Semasa menjalankan proses P & P di Tingkatan 6 Atas 2 dan Tingkatan 6 Atas 4 Sekolah Menengah Kebangsaan Majakir Papar, saya dapati pelajar kurang menguasai kandungan pelajaran pada bahagian Badan Pentadbiran Malaysia. Hal ini menyebabkan mereka menghadapi masalah apabila menjawab soalan kerana setiap konsep dan perkara perlu difahami dan dikuasai. Antara aspek yang perlu mereka ketahui ialah bagaimana untuk menghafal, mengingat dan menguasai tajuk tersebut.

Bagi mengenal pasti isu yang hendak dikaji, tinjauan awal telah dibuat berdasarkan pemerhatian terhadap gerak kerja berkumpulan pelajar semasa sesi pembentangan serta ujian bertulis semasa sesi P & P di dalam kelas.

Melalui pemerhatian, semasa pembentangan hasil gerak kerja berkumpulan, pelajar agak sukar untk menjelaskan fakta tanpa melihat teks yang tersedia. Semasa ujian bertulis pula, pelajar tidak dapat menjawab soalan yang dikemukakan dengan tepat.

Saya dapati walaupun mereka agak malas untuk membaca bahan-bahan rujukan dan buku-buku teks kerana dianggap tidak menarik dan membosankan, sebahagian mereka berminat apabila diadakan kuiz semasa P & P. Justeru itu, kami terfikir untuk menggunakan kaedah Kuiz Bertulis bagi menarik minat dan membantu pelajar menguasai tajuk tersebut.

2.0 ISU KEPRIHATINAN

Kajian tindakan yang kami jalankan ini adalah mengkaji kelemahan pelajar dalam menguasai tajuk Badan Pentadbiran dalam Pengajian Am kertas 1 peringkat STPM.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

- i). Objektif umum meningkatkan peratus kelulusan mata pelajaran Pengajian Am.
- ii). Objektif khusus:
 1. Membantu pelajar mengingati fakta dan kandungan pelajaran Bahagian Badan Pentadbiran Malaysia.
 2. Membantu pelajar meningkatkan penguasaan topik Badan Pentadbiran Malaysia.
 3. Mempelbagaikan kaedah belajar yang berkesan dalam kalangan pelajar mata pelajaran Pengajian Am.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kajian ini melibatkan:

- (i). Seramai 18 orang pelajar Tingkatan 6 Atas 2 SMK Majakir Papar. Terdiri daripada 6 orang pelajar lelaki dan 12 orang pelajar perempuan. Tahap kecerdasan pelajar dikelas ini adalah sederhana.
- (ii). Seramai 28 orang pelajar dari kelas Tingkatan 6 Atas 4 SMK Majakir Papar. Daripada 28 orang pelajar tersebut, 12 orang pelajar adalah lelaki manakala 16 orang lagi merupakan pelajar perempuan. Tahap kecerdasan pelajar di kelas ini adalah sederhana dan lemah.

5.0 PELAKSANAAN KAJIAN

a). Tinjauan masalah dan analisis tinjauan masalah

Sebelum langkah-langkah seterusnya diambil dalam menjalankan kajian ini, tinjauan terhadap masalah yang dikenalpasti telah dibuat bertujuan untuk memahami dengan lebih mendalam lagi masalah tersebut. Tinjauan dilakukan dengan mengutip data Ujian Excel 1 2008.

Pengkaji Cuma membuat analisis markah keputusan Ujian Excel 1 2008 tersebut berdasarkan markah soalan nombor 21 hingga soalan nombor 35 Pengajian Am kertas 1. Berdasarkan Jadual 1, seramai 11 orang pelajar telah lulus, tiada pelajar memperolehi markah penuh, dan 7 orang pelajar telah gagal dalam bahagian ini.

3

Jadual 1: Rumusan analisis keputusan Ujian Excel 1 2008 Tingkatan 6 Atas 2 (untuk soalan nombor 21 hingga 35 Pengajian Am kertas 1 sahaja).

MARKAH	0	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15
BIL. PELAJAR	-	-	-	-	2	1	-	4	-	-	-	5	3	3	-	-

Jadual 2: Rumusan analisis keputusan Ujian Excel 1 2008 Tingkatan 6 Atas 4 (untuk soalan nombor 21 hingga 35 Pengajian Am kertas 1 sahaja).

MARKAH	0	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15
BIL. PELAJAR	-	2	10	7	-	4	-	-	-	-	2	2	1	-	-	-

Berdasarkan Jadual 2, didapati bahawa markah yang diperoleh pelajar sungguh mengecewakan. Daripada 28 orang pelajar, tiada pelajar yang memperoleh markah penuh. Jumlah pelajar yang lulus Cuma seramai 5 orang sementara 23 orang lagi gagal dalam bahagian ini.

5.1 TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Berpandukan maklumat-maklumat yang telah dikumpulkan, pengkaji telah merangka strategi bagi mengatasi kelemahan pelajar dan seterusnya membantu mereka meningkatkan pencapaian dalam ujian dan peperiksaan berikutnya. Sebanyak tiga sesi P & P telah dirancang bagi mengatasi masalah kelemahan pelajar tersebut. Setiap sesi mengambil masa selama 80 minit (satu masa pengajaran).

Berikut ialah aktiviti yang telah dijalankan:

Aktiviti 1: Pelaksanaan Kuiz Bertulis

Tarikh: 8 Julai 2008

Tajuk: Badan Pentadbiran (Kerajaan Persekutuan)

1. Tempoh masa P & P 80 minit (satu masa P & P).
2. Kaedah yang digunakan adalah mengkaji beberapa bahagian yang agak rumit dalam tajuk ini dan kekerapan soalan yang disoal dalam peperiksaan serta mempelajari bagaimana cara yang mudah untuk memahami bahagian tersebut.

3. Guru mengimbas semula pelajaran dengan memperlihatkan poster, jadual dan bahan-

bahan cetak yang berkaitan.

4. Guru mengadakan sesi soal jawab untuk memberi peluang kepada pelajar menghujah

fakta dan mengemukakan soalan berkaitan tajuk.

***(Perkara 2, 3 dan 4 dilaksanakan dalam masa 50 minit).

5. Kuiz Bertulis dilaksanakan (30 minit).

Aktiviti 2: Pelaksanaan Kuiz Bertulis

Tarikh: 15 Julai 2008

Tajuk: Badan Pentadbiran (Kerajaan Negeri)

1. Tempoh masa P & P 80 minit (satu masa P & P).

2. Kaedah yang digunakan adalah mengkaji beberapa bahagian yang agak rumit dalam

tajuk ini dan kekerapan soalan yang disoal dalam peperiksaan serta mempelajari bagaimana cara yang mudah untuk memahami bahagian tersebut.

3. Guru mengimbas semula pelajaran dengan memperlihatkan poster, jadual dan bahan-

bahan cetak yang berkaitan.

4. Guru mengadakan sesi soal jawab untuk memberi peluang kepada pelajar menghujah

fakta dan mengemukakan soalan berkaitan tajuk.

***(Perkara 2, 3 dan 4 dilaksanakan dalam masa 50 minit).

5. Kuiz Bertulis dilaksanakan (30 minit).

Aktiviti 3: Pelaksanaan Kuiz Bertulis

Tarikh: 22 Julai 2008

Tajuk: Badan Perundangan (Kerajaan Tempatan)

1. Tempoh masa P & P 80 minit (satu masa P & P).

2. Kaedah yang digunakan adalah mengkaji beberapa bahagian yang agak rumit dalam

tajuk ini dan kekerapan soalan yang disoal dalam peperiksaan serta mempelajari bagaimana cara yang mudah untuk memahami bahagian tersebut.

3. Guru mengimbas semula pelajaran dengan memperlihatkan poster, jadual dan bahan-

bahan cetak yang berkaitan.

4. Guru mengadakan sesi soal jawab untuk memberi peluang kepada pelajar menghujah

fakta dan mengemukakan soalan berkaitan tajuk.

***(Perkara 2, 3 dan 4 dilaksanakan dalam masa 50 minit).

5. Kuiz Bertulis dilaksanakan (30 minit).

5.2 PEMERHATIAN DAN PENILAIAN

a). Pemerhatian

Melalui aktiviti yang telah dijalankan sebanyak 3 sesi pengajaran dan pembelajaran, didapati pelajar lebih bersemangat untuk mempelajari tajuk berkenaan. Sebahagian besar pelajar melibatkan diri dalam sesi perbincangan dan berusaha untuk menjawab soalan yang dikemukakan melalui Latihan Kuiz Bertulis.

b). Penilaian

Sepanjang aktiviti dilaksanakan, para pelajar cuba untuk bersaing bagi mendapatkan markah yang lebih tinggi dari rakan-rakan mereka. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa kaedah ini dapat membantu pelajar untuk menguasai tajuk-tajuk dalam subjek Pengajian Am kertas 1 STPM.

5.3 REFLEKSI KAJIAN

a). Refleksi Kajian terhadap Pelajar

Berdasarkan analisis ujian Pasca (Aktiviti 1) didapati pencapaian keseluruhan pelajar menunjukkan peningkatan dari segi markah berbanding dengan ujian Pra.

Merujuk lampiran, Jadual 1 (6 Atas 2) daripada 8 orang yang gagal pada set 1 telah berkurangan kepada 3 orang dalam set yang ke 2 dan terus berkurangan kepada 2 orang pada set yang ke 3.

Manakala seperti dalam lampiran, Jadual 2 (6 Atas 4) didapati bilangan pelajar yang lulus meningkat kepada 27 orang. Sementara pelajar yang gagal berkurangan kepada 1 orang.

Selepas ujian dijalankan, pelajar mengakui bahawa kaedah ini lebih sistematik dan boleh membantu mereka untuk memahami dan menguasai tajuk berkenaan tanpa perlu merujuk teks sepanjang masa. Selain itu, didapati bahawa soalan-soalan kebanyakannya adalah berbentuk aplikasi. Yang paling penting ialah pelajar hanya perlu memahami konsep dan fakta untuk memudahkan mereka menjawab soalan.

b). **Refleksi Kajian terhadap Guru**

Ketika melaksanakan kajian ini, pada peringkat permulaan, guru terpaksa menghadapi kerenah pelajar yang kurang memberikan kerjasama dan mereka cepat berputus asa apabila membincangkan tajuk yang agak sukar untuk difahami dan membosankan. Namun, selepas kaedah ini diperkenalkan, kami merasakan lebih bersemangat untuk meneruskan kajian kerana ia dapat membantu pelajar lebih bersemangat untuk belajar dan bersaing antara satu sama lain.

c). **Refleksi Tentang Proses Pengajaran dan Pembelajaran Secara Keseluruhannya**

Kesimpulannya, kaedah yang diperkenalkan ini berkesan jika pelajar bersemangat dan berminat untuk mempelajari tajuk tanpa ada rasa berputus asa. Walaubagaimanapun, kaedah ini agak menyukarkan pelajar yang agak lemah dalam pelajaran kerana ia memerlukan daya pemahaman dan ingatan yang tinggi. Oleh itu, guru perlu sentiasa mempelbagaikan kaedah pengajaran terutama dalam mengajar tajuk yang pelajar tidak berminat dan membosankan.

5.4 CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA

Kajian tindakan yang kami jalankan ini walaupun hanya sub topik dalam Pengajian Am Kertas 1, diharapkan ia akan dapat memberikan manfaat yang berguna kepada guru-guru lain dalam perkongsian ilmu.

Harapan kami pada masa akan datang, pelbagai kaedah kajian akan dapat dihasilkan oleh rakan-rakan guru Pengajian Am 1 demi untuk meningkatkan prestasi mata pelajaran Pengajian Am 1 dan seterusnya akan dapat meningkatkan taraf pendidikan di negara ini.

BIBLIOGRAFI

- Wong Khok Seng, Raminah Hj. Sabran. (2006). Pengajian Am STPM Kertas 1 & 2. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

- David Chong, H.K Wang, Barathi M, Sathiyavana Sathappan. (2006). Pengajian Am Kertas 1 & 2, Teks dan Rujukan Lengkap. Shah Alam: Arah Pendidikan.

- R. Kuberan, Foo Koo Man, Mohd. Azami Ahmad. (2008). Teks Efektif STPM Pengajian Am Kertas 1. Subang Jaya: Ilmu Bakti Sdn. Bhd.

- R. Perumal, Sarah Hj. Saad, Mustapha Kamal Saud. (2005). Praktis Efektif STPM Pengajian Am Kertas 1 (900/1). Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

- Thuraj Raj. (2006). Score in STPM Kertas Model Pengajian Am Kertas 1. Shah Alam: Oxford Fajar.

- Sherylyn Sim, Angelina Teo. (2007). Kertas Model STPM Pengajian Am Kertas 1 & 2. Petaling Jaya: Sasbadi.

- Ahmad Muzaffar. (2008). STPM Kertas Model Pengajian Am Kertas 1 & 2. Shah Alam: Federal – Marshall Cavendish Education.